

D.R. 15/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Penggantian seksyen 305

2. Kanun Keseksaan [*Akta 574*], yang disebut “Kanun” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 305 dengan seksyen yang berikut:

“Abetment of suicide or attempted suicide of child or person who lacks mental capacity

305. (1) Whoever abets the commission of a suicide or an attempted suicide, and knows or ought reasonably to have known

that the person who committed the suicide or the attempted suicide is a child or a person who lacks mental capacity, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine.

(2) For the purpose of this section, “person who lacks mental capacity” means a person who lacks capacity to understand the consequences of committing or attempting to commit suicide, as the case may be, by reasons of unsoundness of mind, mental disorder, intoxication, or under the influence of any drug or other substance.”.

Penggantian seksyen 306

3. Kanun dipinda dengan menggantikan seksyen 306 dengan seksyen yang berikut:

“Abetment of suicide or attempted suicide

306. Whoever abets the commission of a suicide or an attempted suicide by any person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years, and shall also be liable to fine.”.

Pemotongan seksyen 309

4. Kanun dipinda dengan memotong seksyen 309.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk meminda Kanun Keseksaan (“Akta 574”), antara lain, untuk meniadakan kesalahan percubaan untuk melakukan bunuh diri di bawah Akta 574.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk menggantikan seksyen 305 Akta 574 sedia ada. Pada masa kini, seksyen 305 Akta 574 sedia ada hanya mengadakan peruntukan bagi kesalahan persubahatan bunuh diri oleh kanak-kanak, orang gila, orang meracau, orang dungu, atau orang dalam keadaan mabuk. Dengan pindaan ini, persubahatan perlakuan cubaan bunuh diri oleh kanak-kanak atau orang yang kurang keupayaan mental akan juga menjadi suatu kesalahan jenayah.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk menggantikan seksyen 306 Akta 574 sedia ada. Pada masa kini, seksyen 306 Akta 574 sedia ada hanya mengadakan peruntukan bagi kesalahan persubahatan bunuh diri oleh mana-mana orang. Dengan pindaan ini, persubahatan perlakuan cubaan bunuh diri oleh mana-mana orang akan juga menjadi suatu kesalahan jenayah.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong seksyen 309 Akta 574 untuk meniadakan kesalahan percubaan untuk melakukan bunuh diri di bawah Akta 574. Dengan pindaan ini, perlakuan cubaan bunuh diri bukan lagi suatu kesalahan jenayah di bawah Akta 574.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3328]